



TERIMA KASIH ... Bundong Nibong menyampaikan cenderamata sebagai tanda penghargaan kepada Alexander Vincent selepas merasmikan pembukaan dewan serbaguna SK Nanga Ngungun dekat Kanowit.

Jalan Nanga Ngungun-Nanga Jagau dilaksanakan berperingkat-peringkat

SIBU, Ahad – Kerajaan yang komited membangunkan kawasan luar bandar akan melaksanakan projek pembinaan Jalan Nanga Ngungun – Nanga Jagau dekat Kanowit secara berperingkat-peringkat.

Justeru, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ngemah, Alexander Vincent menggesa penduduk di Sungai Ngemah supaya bersabar menunggu projek jalan raya berkenaan bagi membolehkan mereka berhubung ke kawasan bandar.

“Saya menyedari penduduk di kawasan ini sudah lama menunggu projek jalan raya berkenaan yang akan menghubungkan mereka ke kawasan bandar,” katanya semasa

merasmikan pembukaan dewan serbaguna SK Nanga Ngungun, Sungai Ngemah dekat sini baru-baru ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan peruntukan sebanyak RM8 juta untuk pembinaan Jalan Nanga Ngungun - Nanga Jagau semasa lawatannya ke Rumah Matthew Chuat di Nanga Tada pada Februari 2010.

Pampasan tanah telah dibayar kepada pemilik tanah yang terlibat dalam projek jalan raya tersebut tahun lepas.

Apabila siap, jalan itu akan memberi faedah kepada kira-kira 3,000 penduduk di Nanga Jagau dan rumah panjang di sepanjang Sungai

Ngemah yang masih menggunakan pengangkutan sungai sebagai pengangkutan utama mereka.

Dalam pada itu, Alexander Vincent berkata, Jabatan Tanah dan Survei (JTS) mengenal pasti dua buah rumah panjang di Ngemah Ili dan Ngemah Tengah bagi mereka untuk mengadakan sesi dialog dengan penduduk rumah panjang berkaitan tanah hak adat bumiputera (NCR).

Mengenai dewan serbaguna SK Nanga Ngungun, beliau berkata, ia dibina dengan kos RM50,000 dan memuji Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) sekolah berkenaan atas usaha membina dewan itu secara gotong-royong.

Kerajaan luluskan 53 projek kelapa sawit

KUCHING, Khamis – Kerajaan negeri meluluskan 53 projek penanaman kelapa sawit menerusi syarikat kerajaan yang melibatkan Hak Tanah Adat Bumiputera (NCR) dan membayar pampasan bernilai RM129.8 juta kepada 13,590 peserta sehingga Mac 2014.

Menteri Kemajuan Tanah, Tan Sri Datuk Amar James Jemut Masing berkata, daripada jumlah tersebut, tujuh projek penanaman kelapa sawit telah disiapkan, 48 sedang dijalankan manakala lima lagi masih menunggu perjanjian untuk ditangani.

"Seluas 71,267 hektar tanah dibangunkan bagi 48 projek penanaman kelapa sawit yang sedang dilaksanakan

kan berbanding 62,480 hektar pada 2012 apabila menunjukkan peningkatan sebanyak 3.8 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian semasa Ucapan Penggugungan Kementerian-Ucapan pada Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Keempat Persidangan DUN Sarawak Ke-17 di sini, hari ini.

Masing turut mengulas beberapa agensi di bawah kementerian yang bertanggungjawab membangunkan tanah dalam pelbagai tanaman. Bagi Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (SLDB), beliau berkata, sebanyak 957 hektar tanah yang dibangunkan dalam penanaman kelapa sawit dan melibatkan 357 peserta di Lubok Punggor, Simunjan, Kam-

pung Teh di Mukah serta Pedanum di Pakan.

Tambahnya, SLDB juga terlibat dalam pembangunan ladang getah kecil di tanah seluas 100 hektar di Kampung Skuduk, Padawan tahun lalu.

"Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak (SALCRA) pula menyumbang kepada tindakan membasmi kemiskinan di kawasan terlibat dalam penanaman kelapa sawit. Tahun lalu, SALCRA membayar dividen sebanyak RM52 juta kepada para peserta.

"Pada tahun ini, SALCRA fokus kepada dua kawasan utama dalam menghasilkan tanaman sawit di neg-

eri ini. Agensi berkenaan mensasarkan 1,615 hektar untuk dibangunkan berbanding 1,172 hektar sebelum ini yang 443 hektar daripadanya adalah kawasan baharu," jelasnya.

Masing yang juga Presiden Parti Rakyat Sarawak (PRS) menambah, Felcra Berhad Sarawak turut bersama membangunkan tanah di negeri ini.

"Dari tahun 1996 sehingga tahun lalu, Felcra Berhad Sarawak berjaya memberi pengagihan sebanyak RM188.7 juta kepada para peserta. Justeru, pihak Felcra Berhad akan meneruskan usaha membantu kerajaan negeri membangunkan taraf hidup penduduk luar bandar," ujarnya.

Peruntukan RM865.8 juta tingkatkan kemudahan asas



CHRISTINA ULAU, FENNY SILONG & ASILA AMIRAH HOSSEN

KUCHING, Khamis — Kerajaan telah meluluskan empat buah kampung bagi menjalankan Program Desa Lestari dengan peruntukan sebanyak RM15 juta.

Antara kampung yang dipilih adalah Kampung Telian Mukah, Kampung Saas Kuching, Kampung Tanjung Parang Kota Samarahan dan Kampung Long Badian Miri.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang berkata, kampung berkenaan dipilih kerana potensi yang ada untuk dimajukan dan mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus bella, mempunyai aktiviti ekonomi yang berdaya maju serta masyarakat kampung yang positif terhadap pembangunan.

"Selain itu, lokasi yang strategik dan memiliki kelebihan yang unik, tiada masalah sosial yang serius serta keadaan sosio-politik yang stabil dan persekitaran yang indah dengan nilai tradisi dan kebudayaan turut dinilai sebelum kampung berkenaan dipilih," katanya.

Bellau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pengumuman bagi Kementerian Bellau pada Persidangan Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-17 di sini, hari ini.

Sementara itu, sepanjang 1,100.87 km projek jalan luar bandar (JALB) termasuk Jalan Perhubungan Desa (JPD) dengan kos RM2.20 bilion telah siap dibina atau dinaik taraf melebihi sasaran awal sepanjang 1,022.69 km sejak tahun 2010 hingga 2013 di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Jabu merupakan Menteri Pembangunan Luar Bandar memberitahu, pelaksanaan projek berkenaan memberi manfaat kepada 812,208 penggu-



SEDIA DIGULUNG ... Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang, menunjukkan teks ucapan pengumpulannya semasa Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, di Kuching, semalam.

na dalam tempoh tersebut. Dalam tempoh sama, sejumlah 26,716 unit rumah dibina dan dibaik pulih dengan kos berjumlah RM430.1 juta di bawah PBR.

"Seramai 133,580 orang miskin dan miskin tegar menerima manfaat daripada program ini dan secara tidak langsung menunjukkan pencapaian prestasi cemerlang iaitu 151.56 peratus atau lebih 17,627 unit," jelasnya.

Terkini, sepanjang 176.65 km projek JALB telah siap dibina atau dinaik taraf manakala kerja awalan sedang dijalankan bagi PBR bagi tempoh Januari hingga 30 April 2014.

Terdahulu, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) memperuntukkan RM865.8 juta kepada negeri Sarawak bagi meningkatkan liputan kemudahan asas.

Projek pembangunan infrastruktur asas tersebut merangkumi Jalan Luar Bandar (JALB) dengan kos RM238 juta, Bekalan Air Luar Bandar (BALB) sebanyak RM170.4 juta, RM392.4 juta



UNTUK KENANGAN ... Ketua Menteri, Tan Sri Datuk Amar Haji Adenan Haji Satem serta isteri, Dato Hajah Jamilah Haji Anu, merakamkan gambar kenangan bersama rombongan dari Lundu dan Sematan, di lobi bangunan DUN Sarawak, di Kuching, semalam. • AWANG KUSHAIRY JUNAIDI


untuk Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Program Bantuan Rumah (PBR) dengan kos RM50 juta dan Program Desa Lestari sebanyak RM15 juta.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh BN-Sadong Jaya, Aidel Larwoo, Jabu menjelaskan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani meluluskan peruntukan RM2.5 juta untuk kerja pemuliharaan Skim Saliran Asa-jaya, Blok 4 di bawah Pelan Boleh Pinda Keempat (2014-2015).

Tambahnya, sejumlah RM500,000 juga diperuntukkan pada tahun ini untuk kerja selidik di kawasan Sadong Jaya bagi menilai dan mengkaji sistem saliran dan kapasiti hidroliik bagi pintu kawasan kawalan air.

"Kerja penyelenggaraan laluan bagi kerja membuang kelodak dalam parli perimeter akan dilaksanakan pada Ogos depan," ujarnya.

Bagi soalan dari BN-Opar, Ranum Mina bellau memaklumkan peruntukan sejumlah RM5 juta diluluskan untuk kerja penyediaan tapak dan bayaran pampasan tanah Fasa Dua bagi tahun 2014 dan 2015 dan akan dimulakan pada tahun hadapan setelah kajian terperinci dilaksanakan.



BERSAMA ... Dato Sri Michael Manyin Jawong bersama Martin Ben, semasa tiba di DUN Sarawak, semalam.